



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)

TARIKH: 27 APRIL 2015 (ISNIN) BIL: 8 2014/2015

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.2	Pengerusi memohon agar FKM, MJIIT, UTM Razak dan UTM AIS menyediakan dokumen COPPA yang menjurus kepada <i>Benchmarked Standard</i> bagi tujuan akreditasi sementara bagi program baharu pasca siswazah yang baru diluluskan.	FKM,MJIIT,UTM Razak dan UTM AIS	Dalam tindakan FKM, MJIIT, UTM Razak dan UTM AIS
1.3	Pengerusi juga memohon agar dokumen COPPA (<i>Benchmarked & Enhanced Standard</i>) bagi program baharu yang telah ada graduan dan diluluskan pada tahun 2013 disediakan bagi tujuan akreditasi penuh.	Semua Fakulti	Dalam tindakan fakulti
1.9	Pengerusi memaklumkan bahawa Pengisian Laporan Kemajuan pelajar Penyelidikan & Kerja Kursus dan Penyelidikan adalah pada 1-21 Mei 2015. Pengerusi memohon agar <i>banner</i> dinaikkan untuk makluman pelajar baru.	PIT, SPS	Telah Selesai
1.10	Pengerusi memaklumkan bahawa pihak AMD telah mengeluarkan surat peringatan kepada pelajar aktif yang tidak mendaftar kursus pada 12 April 2015 dan surat pemberhentian pula akan dikeluarkan pada 24 Mei 2015. AMD diminta untuk menyediakan senarai pelajar tersebut dan menghantarnya ke fakulti dengan kadar segera.	AMD	Senarai pelajar akan dibentangkan dalam JKTS pada 27 Mei 2015 untuk pengesahan diberhentikan pengajian kerana tidak mendaftar kursus. Surat diberhentikan akan dikeluarkan selepas mesyuarat JKTS mulai 28 Mei 2015.

3.1	Pengarah SRAD mohon agar pihak fakulti menyediakan unjuran enrolmen masing-masing mengikut program bagi membantu serta merancang aktiviti pemasaran.	SRAD	Sehingga 20 Mei 2015 (tarikh tutup yang diberi oleh SRAD) hanya 4 Fakulti sahaja yang telah berjaya menghantar (RS, FAB, FKE & FKA)
5.5	Mesyuarat dimaklumkan bahawa Hari Informasi Pasca Siswazah akan diadakan pada 9 dan 10 Mei 2015 di Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid, UTM Kuala Lumpur dan pada 16 dan 17 Mei 2015 di Dewan Konvensyen FAB Blok B12, UTM Johor Bahru. Program ini akan bermula pada jam 10 pagi hingga 5 petang. Poster akan diedarkan kepada lebih 800 agensi, syarikat, IPT dan badan kerajaan. Ia juga telah diiklankan di <i>Facebook sponsored</i> selama sebulan. E-banner telah diemalkan kepada semua Pengurus IT UTM untuk di <i>upload slider</i> pada web PTJ masing-masing. Selain itu, sebanyak 20 unit kain rentang akan digantung di sepanjang jalan masuk ke dalam UTM.	SRAD	Program telah selesai diadakan di UTM KL dan UTM JB. Seramai 191 orang telah mengisi <i>Online Application</i> (JB: 128 & UTM KL (63). Dari segi kehadiran peserta untuk kedua-dua tempat adalah sebanyak 620 orang (UTM JB: 210 & UTM KL : 410)
5.6	Mesyuarat dimaklumkan mengenai iklan di akhbar bagi Promosi Hari Informasi Pasca Siswazah 2015. Mesyuarat juga dicadangkan agar mengiklankan promosi kemasukan ke program pasca ijazah bagi September 2015 di akhbar.	SRAD	Promosi iklan Program Pascasiswazah bagi Sem 1 Sesi 2015/2016 telah diiklankan di akhbar utama sebanyak 7 kali (Contoh: BH, MM & NST)
5.8	Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat fakulti yang masih belum mencalonkan petugas Hari Informasi iaitu FAB, FKM, FKE, FC, SPS, UTM AIS, MJIIT dan UTM Razak. Mesyuarat mohon agar pencalonan dilakukan segera bagi	FAB, FKM, FKE, FC, SPS, UTM AIS, MJIIT dan UTM Razak	Selesai

	memudahkan pihak SRAD memberikan taklimat kepada peserta.		
10.1	KAMARULAFIZAM BIN ISMAIL (PW093001) 10.1.1 Mesyuarat meneliti permohonan pelajar dan memohon supaya dibawa semula ke peringkat JKA Fakulti untuk dibincangkan semula kerana pemeriksa baru yang dicadangkan tidak sesuai dengan bidang penyelidikan pelajar.	FBME	Fakulti telah membincangkan semula kes pelajar di dalam Mesyuarat JKA fakulti.
14.2	Mesyuarat memohon fakulti mengenalpasti calon pelajar yang layak untuk diberikan biasiswa Ainuddin Wahid.	Semua Fakulti	Sedang dalam tindakan fakulti